



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 3 MEI 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **87 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **4,413 kes** (70 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 3 Mei 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **122 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **6,298 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,780 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan bahawa daripada 122 kes baharu yang dilaporkan hari ini, **52 kes adalah kes import**. Ini bermakna, kes penularan tempatan adalah sebanyak 70 kes.

Sehingga kini, seramai 27 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah tersebut, 13 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan

bahawa terdapat pertambahan **dua (2)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **105** kes (1.66 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-104 (kes ke-5539) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 82 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi dan penyakit jantung. Beliau telah dirawat di Hospital Sungai Buloh pada 22 April 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 2 Mei 2020 jam 6.29 petang.
- Kes kematian ke-105 (kes ke-5837) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 64 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit buah pinggang. Beliau telah dirawat di Hospital Tuanku Ja'afar Seremban pada 27 April 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 3 Mei 2020 jam 9.46 pagi.

KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

### **IMPLIKASI COVID-19 KEPADA WARGA EMAS**

Seperti yang pernah dimaklumkan sebelum ini, golongan warga emas didapati agak terjejas dengan wabak COVID-19 di mana terdapat banyak kes jangkitan dan kematian berkaitan COVID-19 di kalangan kumpulan umur 60 tahun ke atas. Warga emas adalah kumpulan berisiko tinggi untuk mendapat komplikasi dan kematian akibat jangkitan COVID-19 kerana faktor umur dan juga penyakit kronik. Ini merupakan satu isu global yang dihadapi oleh negara-negara yang terjejas dengan wabak ini.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui kajian kematian (*mortality review*) ke atas 99 daripada 105 kes kematian yang telah dilaporkan di Malaysia, kumpulan umur yang mempunyai bilangan kematian COVID-19 yang tertinggi adalah di antara 61 sehingga 70 tahun (iaitu 32 kes, 32.2 peratus) dan kumpulan umur kedua

tertinggi adalah di antara 71 sehingga 80 tahun (iaitu 19 kes, 19.2%).

Walaupun kita belum memahami sepenuhnya jangkitan COVID-19, apa yang jelas ialah risiko jangkitan meningkat mengikut usia, dan individu yang mempunyai penyakit kronik atau penyakit tidak berjangkit (*non-communicable diseases* atau NCD; seperti kencing manis, darah tinggi, penyakit jantung, penyakit buah pinggang dan barah) dan faktor risiko penyakit NCD (sepert merokok dan obesiti) adalah lebih berisiko untuk mendapat gejala jangkitan COVID-19 yang lebih teruk dan risiko kematian yang lebih tinggi.

### **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

Mengambil kira statistik ini, adalah terbukti bahawa kumpulan warga emas merupakan kumpulan berisiko tinggi yang perlu dilindungi daripada dijangkiti COVID-19 oleh semua pihak. Kepatuhan dan tanggungjawab sosial rakyat adalah amat penting demi memastikan keselamatan dan kesihatan golongan warga emas.

Harus diingati bahawa virus ini tidak kelihatan di mata kasar. Bagi ahli keluarga adalah menjadi tanggungjawab mereka misalnya anak atau penjaga yang tinggal bersama warga emas supaya memastikan golongan warga emas terjaga dan dilindungi daripada penularan jangkitan COVID-19. Ahli keluarga warga emas adalah digalakkan untuk kekal mengamalkan langkah-langkah pencegahan COVID-19 kerana mereka adalah berpotensi untuk menyebarkan jangkitan COVID-19 kepada kepada ibubapa atau datuk nenek mereka. Pastikan juga mereka di bawa untuk mendapat rawatan segera jika didapati tidak sihat, pastikan bekalan ubatan mencukupi dan patuhi temujanji rawatan.

Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang akan bermula pada 4 Mei 2020, KKM menyeru kepada warga emas agar terus mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan mengelak keluar daripada rumah, kecuali untuk urusan-urusan yang penting sahaja. Elakkan 3C: iaitu kawasan yang sesak

(*Crowded place*), kawasan yang sempit (*Confined space*), bertutur dengan jarak yang dekat (*Close conversation*).

Sekiranya perlu ke kawasan umum, mereka digalakkan untuk memakai topeng hidung dan mulut (*face mask*) di samping mengambil langkah-langkah pencegahan. Pengamalan tahap kebersihan diri yang tinggi mesti diteruskan, misalnya dengan kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan cecair pembasmi kuman (*hand sanitisers*) serta amalkan jarak sosial yang selamat (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter.

Sekiranya diperlukan khidmat nasihat, warga emas serta orang ramai boleh menghubungi *Virtual Health Advisory* melalui portal KKM dari 8.30 pagi hingga 5.00 petang setiap hari.

Warga emas yang perlu mendapat rawatan penyakit kronik di klinik kesihatan, mereka dinasihatkan agar datang untuk rawatan susulan mengikut tarikh dan masa temujanji yang ditetapkan. Bagi mengurangkan kekerapan kedatangan dan kesesakan di klinik untuk mengambil bekalan ubat separa, KKM telah menyediakan perkhidmatan farmasi *Value Added Service* seperti Ubat Melalui Pos (UMP), Locker2U, Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu (SPUB) dan Farmasi Pandu Lalu mengikut kesesuaian perkhidmatan yang ditawarkan.

Memandangkan warga emas adalah kumpulan berisiko tinggi untuk jangkitan COVID-19, KKM telah memutuskan untuk menjalankan ujian saringan COVID-19 kepada pekerja dan penghuni pusat jagaan warga emas. Saringan ini akan dijalankan secara berfasa, dimulakan dengan 17 buah Rumah Sri Kenangan dan Rumah Ehsan di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Seterusnya akan dijalankan saringan di 357 buah pusat jagaan yang berdaftar di bawah Akta 506 dan 26 buah *nursing homes* yang berdaftar di bawah Akta 586.

KKM maklum bahawa terdapat hampir atau lebih 1,000 buah pusat jagaan warga emas swasta yang tidak berdaftar di bawah mana-mana Akta. Pihak Pejabat Kesihatan Daerah diarah untuk mengenalpasti pusat jagaan warga emas swasta termasuk institusi

pondok agama di daerah masing-masing bagi memastikan liputan saringan COVID-19 adalah menyeluruh. Justeru itu pengusaha pusat jagaan swasta digalakkan untuk berhubung dengan Pejabat Kesihatan Daerah terdekat.

KKM akan terus memantau kejadian jangkitan COVID-19 di Malaysia. Penduduk Malaysia dinasihatkan untuk kekal duduk di rumah dan hanya keluar rumah untuk urusan-urusan yang perlu sahaja. Teruskan amalkan kebersihan diri yang tinggi seperti kerap membasuh tangan dengan air dan sabun, dan amalkan jarak sosial yang selamat iaitu sekurang-kurangnya 1 meter (*social distancing*). Ini penting dalam memutuskan rantai penularan COVID-19 di dalam masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

3 Mei 2020 @ 4.30 petang

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 3 MEI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>PERLIS</b>	0	18
<b>KEDAH</b>	0	95
<b>PULAU PINANG</b>	0	121
<b>PERAK</b>	0	253
<b>SELANGOR</b>	11	1,529
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	71 (50)	592
<b>MELAKA</b>	3	204
<b>JOHOR</b>	0	667
<b>PAHANG</b>	0	305
<b>TERENGGANU</b>	0	110
<b>KELANTAN</b>	0	155
<b>SABAH</b>	1	316
<b>SARAWAK</b>	5	523
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	30 (1)	1,308
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	1 (1)	86
<b>W.P. LABUAN</b>	0	16
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>122 (52)</b>	<b>6,298</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import